

05 OCT 1998

Hassan-Umno

EMPAT BAHAGIAN UMNO SELANGOR TAK TERLIBAT JATUH DR M

SHAH ALAM, 5 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar berkata empat Bahagian Umno di Selangor tidak terlibat dalam usaha menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya beliau berpuas hati dengan penjelasan semua ketua bahagian berkenaan berhubung dakwaan itu.

"Kalau ada maklumat atau laporan mengenainya di Selangor, kita minta supaya ia dikemukakan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno esok untuk dibincangkan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat mengenai teknologi maklumat di bilik gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri di sini petang ini.

Khamis lepas Abu Hassan telah meminta Umno Bahagian Kuala Langat, Gombak, Ampang Jaya dan Sabak Bernam memberikan laporan kepada beliau mengenai dakwaan kononnya ada kalangan anggota mereka menerima imbuhan untuk menjatuhkan Perdana Menteri.

Abu Hassan juga berkata kerajaan negeri telah memperuntukkan RM2 juta untuk menyediakan satu pelan tindakan pembangunan IT di Selangor.

Beliau berkata kumpulan syarikat Darul Ehsan Multimedia telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan pelan itu yang dijangka siap hujung tahun ini.

Pelan itu akan menggariskan semua aspek berhubung pembangunan teknologi maklumat yang dapat dilaksanakan oleh pihak swasta serta badan-badan kerajaan di Selangor dalam operasi harian mereka.

Abu Hassan berkata kerajaan negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM3.9 juta untuk mengatasi masalah pepijat alaf yang akan dilaksanakan antara Ogos dan Disember tahun depan oleh Unit Pembangunan Ekonomi Negeri.

-- BERNAMA

AZH MAI